




Digital Receipt

This receipt acknowledges that **Turnitin** received your paper. Below you will find the receipt information regarding your submission.

The first page of your submissions is displayed below.

Submission author: **Abdur Razzaq**
Assignment title: **Abdur Razzaq**
Submission title: **Cabaran Dakwah Masakini dan Pen...**
File name: **Cabaran_Dakwah_Book_Chapter.pdf**
File size: **6.29M**
Page count: **7**
Word count: **33**
Character count: **169**
Submission date: **03-Feb-2020 10:51AM (UTC+0700)**
Submission ID: **1250429815**



Cabaran Dakwah Masakini dan Penyelesaiannya Menurut Perspektif Hamka Dalam Tafsir Al-Azhar

by Abdur Razzaq

Submission date: 03-Feb-2020 10:51AM (UTC+0700)

Submission ID: 1250429815

File name: Cabaran_Dakwah_Book_Chapter.pdf (6.29M)

Word count: 33

Character count: 169

- Rahman Kaoy, A. dan Elbi Hasan Basri. 2006. *Pedoman Pelaksanaan Dakwah Islam*. Yogyakarta: Penerbit AK Goup.
- Rozhan Othman. 1990. *Pengurusan Dakwah*. Shah Alam: Ummah Media.
- Syamsul Bahri Galinggo. 1999. *Dakwah dan Globalisasi*. Nilai Universiti Sains Islam Malaysia.
- Syamsuri Siddiq. 1981. *Dakwah dan Teknik Berkhutbah*. Bandung: al-Maarif.
- Syed Othman al-Habshi. 1998. Kepentingan Pengurusan dalam Dakwah Islamiah. Dalam *Prinsip dan Kaedah Pengurusan Dakwah dalam Aras Pembangunan Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Toha Yahaya Omar. 2001. *Islam dan Dakwah Islamiah*. Jakarta: Penerbitan al-Khauthar.
- Wan Hussein Azmi Wan Abd Kadir. 1984. *Imn Dakwah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yakan, Fathi. 1984. *Rintangan Perjumpaan dalam Kehidupan Penda'wah*. Abdul Ghani Samsuddin (terj.). Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Zawawi Ali dan Muhammad Kamil Majid. 1983. *Gerakan Islam Kepimpinan, Syura dan Tarbiyah*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Zaydān, 'Abd al-Karīm. 1975. *Uṣūl al-Da'wah*. Bayrut: Muassasat al-Risālah.
- Zaydān, 'Abd al-Karīm. 1997. *Dasar-dasar Ilmu Dakwah*. Shah Alam: Dewan Pustaka.
- Zulkiple Abd Ghani dan Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. 1999. *Kepimpinan Dakwah dan Politik Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

4

Cabaran Dakwah Masa Kini dan Penyelesaiannya menurut Perspektif Hamka dalam Tafsir Al-Azhar

Abdul Hafiz Abdulllah dan Abdur Razzaq

PENDAHULUAN

Dakwah bermula sejak Nabi Adam a.s. sehingga kepada zaman Muhammad SAW, disambung oleh khulafā' al-Rasyidin, iaitu *mutakhirin* baik zaman *mutaqaddimin* mahupun *mutakhirin*. Dakwah perlu diteruskan, kerana golongan muda yang ghaib dan sangat kehausan terhadap ajaran Islam, mereka sudah tonggak agama Allah pada masa akan datang.

DEFINISI DAKWAH

Menurut HAMKA, dakwah pada bahasa ialah kata terbitan *da'ā* dan *wad'ū* yang bermaksud seruan, rayuan, ajakan, menggul, menghibau dan mengharap (HAMKA, 1990). Kata menurut istilah, dakwah ialah seruan yang menginsafkan manusia agar berjalan di atas jalan yang telah digariskan oleh Allah SWT (HAMKA, 1999).

4.3 CABARAN-CABARAN DAKWAH

HAMKA telah menyenaraikan beberapa cabaran dakwah, antaranya; dakwah zaman kini lebih mencabar, kurang pengetahuan am dalam ikalangan da'i dan rumah tangga pendakwah tidak selari dengan apa yang didakwahkan.

4.3.1 Dakwah pada Zaman Moden Lebih Mencabar

HAMKA menjelaskan hal berkaitan cabaran ini ketika beliau melakukan pentafsiran terhadap firman Allah SWT:

وَلَكِنَّ
يَا مَعْرُوفُ وَيَهْوَىٰ
عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَٰئِكَ هُمُ
الْمُفْلِحُونَ ١٠٤

Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (bercia'wah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyeru kepada segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersilat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

(Surah *Al-Furqan*, 3: 104)

Dakwah sangat penting pada zaman moden ini kerana revolusi ilmu pengetahuan telah berlaku dengan pesat pada zaman ini. Hal ini berlaku kerana manusia moden sangat memerlukan kejayaan jiwa, kepercayaan dan pegangan batin. Kerana jika semua ini tidak ada, maka pengetahuan moden yang mereka peroleh tidak akan mendatangkan kebahagiaan, malah akan mengakibatkan kelancaran kepada diri mereka sendiri. Oleh yang demikian, kepentingan dakwah pada zaman moden ini adalah berlipatkali ganda daripada zaman-zaman silam (HAMKA, 1999).

4.3.2 Kurang Pengetahuan Am

Segelintir para pendakwah muda kini kurang pengetahuan umum, sehingga mereka menjadi 'canggung' dalam menyampaikan dakwahnya. Padahal mereka mempunyai pengalaman yang luas jika dibandingkan dengan mubaligh-mubaligh zaman silam. Zaman dahulu cukuplah seorang mubaligh menyampaikan dakwahnya kepada orang kampung yang berpegang kepada ajaran Islam secara tradisi. Apa saja keterangan dan dakwah yang disampaikan kepada mereka, nescaya mereka akan terima secara bulat-bulai. Berbanding sekarang, para mubaligh akan menghadapi masyarakat yang sudah cerdas pemikiran mereka. Mereka sudah berani membantah keterangan-keterangan yang didasarkan kepada agama, tetapi tidak masuk akal (HAMKA, 1999).

Dakwah akan lebih hidup jika seorang da'i itu mempunyai pengetahuan tentang ilmu-ilmu semasa seperti ilmu Sains dan Teknologi, kerana jika ia memberi penjelasan terhadap sesuatu hukum berkait dengan ilmu-ilmu moden tersebut, tidaklah kelihatan janggal dan kolot. Ini dijelaskan oleh HAMKA, katanya; "Bagaimana da'wah Islam akan hidup, kalau di Singapura pada tahun 1960 M, ada seorang Qadhi yang berlatwa, bahwa orang Islam *haram* pergi ke bulan?" (HAMKA, 1999).

4.3.3 Rumah Tangga Pendakwah Tidak Seperti Apa yang Didakwahkan

HAMKA telah memberi peringatan kepada para da'i yang sentiasa memberi peringatan kepada 'orang luar', sedangkan rumahtangganya sendiri tidak kelihatan pengaruh agama yang hendak ditegakkan (HAMKA, 1999). Jelas HAMKA, golongan ini adalah golongan yang menyeru kepada makruf, tetapi mereka sendiri tidak melakukannya, malah mereka melakukan kemungkarat, mereka akan dicampakkan ke dalam neraka pada hari akhirat kelak sehingga usus mereka terbakar (HAMKA, 1999).

Perlu ada kesinambungan di antara melakukan dakwah dengan mulut serta mengerjakan amal soleh, kerana pengaruh

sikap hidup seseorang da'i lebih besar kesannya dalam mempengaruhi orang lain. Jika seseorang pendakwah hanya melakukan dakwah dengan mulut, sedangkan perbuatannya tidak ada yang boleh dijadikan contoh teladan, dakwahnya akan gagal. Bagi HAMKA, pendakwah yang berjaya ialah pendakwah yang mengamalkan '*Lisān al-Hā'ī*' (HAMKA, 1999).

Alat dakwah yang paling utama ialah akhlak, budi yang nyata dapat dilihat oleh orang lain, mereka tidak semata-mata melihat kepada khutbah yang disampaikan, tulisan yang dikarang, sebaliknya mereka melihat kepada budi pekerti yang luhur daripada pendakwah (HAMKA, 1999). Hal ini juga dijelaskan oleh 'Ali Jariyah yang mana beliau menegaskan bahawa perkara pertama yang perlu dimiliki oleh seorang da'i ialah akhlak, pendakwah yang telah memiliki akhlak Islam bererti ia telah memiliki alat dakwah yang paling besar untuk digunakan dalam masyarakat. Dakwah cara ini dapat membuka pintu hati dan pemikiran masyarakat ke arah sinar yang sangat baik ('Ali Jariyah, 1985). Akhlak dapat membuka ufuk golongan *al-mad'ū* dengan lebih luas berbanding melalui cara kekerasan (peperangan).

Keperibadian seorang da'i merupakan faktor penentu sama ada dakwah yang disampaikan oleh seseorang da'i itu berjaya atau gagal. Apabila seseorang da'i itu mempunyai keperibadian yang menarik, maka akan berjaya lah dakwahnya dan begitu lah sebaliknya jika dia mempunyai keperibadian yang tidak menarik hati, dan tidak mempunyai daya tarik, sudah pastilah pekerjaan-pekerjaannya akan sia-sia dan gagal (HAMKA, 1999).

Para da'i mestilah menyedari bahawa contoh teladan dalam tingkah laku kehidupan jauh lebih berkesan kepada jiwa *mad'ū* daripada ucapan yang keluar daripada mulut. Mengadakan dakwah melalui contoh teladan dan perbuatan jauh lebih berkesan daripada khutbah yang panjang berjela dan berapi-api. Kadang-kadang hal ini tidak disedari oleh da'i bahawa setiap perilaku hidupnya menjadi perhatian orang. Mendidik diri menjadi ahli dakwah agama, ketataan beribadat, kefasihan ucapan dalam bahasa Arab dan sebagainya, merupakan perkara kecil sahaja,

padahal perkara kecil seperti inilah merupakan antara faktor penentu kejayaan dakwah (HAMKA, 1999).

Para da'i hendaklah menjauhi perkara yang boleh mengakis kepercayaan *mad'ū*, serta menjaga kehormatan diri supaya jangan ada sifat yang boleh mengurangkan kehormatan diri di hadapan pengikutnya, kerana apabila kehormatan diri telah jatuh, maka kelancaran gagasan dakwah akan terhalang. Seseorang da'i wajib melengkapkan diri dengan sifat takwa kepada Allah, berusaha menjauhi perkara-perkara maksiat dan tempat-tempat yang boleh menjatuhkan maruahya (HAMKA, 1999).

4.3.4 Kurang Mampu Berdakwah kepada Semua Golongan

Seseorang da'i hendaklah mampu menyampaikan dakwah kepada semua lapisan masyarakat, tidak merasa janggal apabila berhadapan dengan suatu golongan yang berlainan fahaman dengannya, dan keluasan pandangan juga perlu ada dalam diri da'i, HAMKA berpesan:

Jangan sampai merasakan, bahwa yang ummat Islam itu hanyalah kawan yang semazhab saja, atau sefaham saja. Tegasiya jangan sampai kalau dia misalnya seorang muballigh Muhammadiyah, hanya sanggup berhadapan dengan orang Muhammadiyah saja dan merasa kecil jiwanya berhadapan dengan orang luar Muhammadiyah (HAMKA, 1999).

Jelas HAMKA lagi, seorang da'i akan berjaya menjalankan tugas dakwahnya kepada semua golongan walaupun berlainan fahaman apabila da'i tersebut menjauhkan diri daripada sikap pertentangan, oleh yang demikian, tidak perlu membuka perbincangan tentang masalah perbezaan pendapat berkaitan hal-hal cabang (*furū'*) kepada orang awam, kerana ianya akan merosakkan hubungan baik sesama Islam dan inilah yang memusnahkan suasana pergaulan selama ini. Kcadaan ini diburukkan lagi jika seseorang da'i datang ke suatu tempat, lantas membincangkan masalah khilafiah, selepas itu dia meninggalkan

tempat yang dikunjunginya, setelah dia pergi, orang ramai ditinggalkan dalam keadaan berpecah belah (HAMKA, 1990).

4.4 CADANGAN PENYELESAIAN

HAMKA telah mencadangkan beberapa cadangan penyelesaian terhadap cabaran-cabaran yang telah beliau jelaskan, agar dakwah yang disampaikan lebih berkesan dan mudah diterima oleh *mad'u*, antara cadangan beliau ialah:

4.4.1 Memiliki Pelbagai Ilmu

HAMKA telah menyenaraikan sebelas ilmu yang perlu dimiliki oleh seseorang da'i, iaitu: mempunyai ilmu pengetahuan yang sempurna tentang al-Qur'an, al-Sunnah dan sirah Rasulullah dan sirah para sahabat baginda SAW, mengetahui keadaan umat yang akan dilakukan dakwah kepada mereka, mengetahui asas dan sumber ilmu sejarah secara umum, ilmu Geografi, ilmu Jiwa, ilmu akhlak, ilmu Sosiologi, ilmu Politik, ilmu bahasa setempat, ilmu Kebudayaan dan Kesenian serta ilmu asas perbezaan agama (HAMKA, 1999).

4.4.2 Bekerja Keras di Tengah-Tengah 'Jahiliyah Moden'

Menyebarkan dakwah (ajaran Islam) kepada golongan sasar perlu berterusan sehingga hari kiamat, para da'i perlu bekerja dengan lebih gigh ke arah itu, meskipun di tengah-tengah kekufuran 'Jahiliyah Moden', walau apa saja kebencian mereka terhadap seruan dakwah, namun dakwah tidak boleh dibentakan (HAMKA, 1999).

4.4.3 Bersabar dan Berjiwa Besar

Seseorang da'i tidak boleh cepat marah dalam melakukan tugas dakwah (HAMKA, 1999) walaupun setelah dicela dan dimaki,

kerana celaan dan makian tersebut merupakan 'nasib' semua orang yang mengahmbakan diri mereka ke jalan mengagakkan kebenaran (dakwah) pada setiap zaman, jika tidak demikian maka bukanlah dinamakan perjuangan, ini termasuk para rasul dan nabi-nabi yang tidak terlepas daripada celaan dan makian. Para pendakwah hendaklah menghindari diri daripada 'cepat naik darah', hendaklah berkhair memberi penerangan yang baik kepada mereka, kerana kebencian akan 'surut' kepada kebenaran (HAMKA, 1999).

Para da'i juga dinasihatkan agar tidak berendam, tidak melepaskan sakit hati, mereka juga hendaklah memperbanyakkan kawanbukan meramaikan musuh. Lillah sikap nabi Muhammad SAW apabila berdepan dengan Abu Sufyan dalam peristiwa *Fath Makkah* (HAMKA, 1999).

HAMKA menasihati para da'i agar 'kebal' dan kental dalam menghadapi percubaan-percubaan yang datang, padukumlah niat agar tidak dikuasai oleh sifat kecewa apabila ditimpa kegagalan, kata HAMKA:

Bagi orang yang "nawafu"-nya sejak semula kurang terarah, kerana percubaan-percubaan pertama itu sudahlah dia berhenti, kerana tidak tahan lagi. Tetapi bagi orang yang dilahirkan untuk dan telah padu matinya, deretan dari segala kegagalan, kekecewaan, air mata, sumpit tidak berisi, beras yang akan ditanak tidak sampai-menyampai dan berbagai halangan lain yang jauh lebih besar, semuanya itulah yang akan mengantarkannya ke atas.

(HAMKA, 1990)

Para da'i hendaklah mengkaji dengan teliti pada diri sendiri apakah tujuan utama dia mencemburi dalam bidang dakwah, jika niatnya untuk kepentingan diri sendiri, untuk menggapai populariti atau untuk mencapai kemegahan dan pujian orang ramai. Jika demikian tujuannya, pekerjaannya akan terbantu serta terhenti di tengah jalan, kerana sudah pasti di samping orang yang menyukainya akan ramai pula orang akan membencinya (HAMKA, 1990). Ini kerana tugas da'i ialah membawa, mengarah dan memberikan cahaya Ilahi, cahaya iman yang dicahayaakan

oleh Allah SWT menuju ke alam terang benderang sehingga tercipta hubungan dengan Allah secara baik dan dengan hati yang ikhlas (HAMKA, 1978).

4.4.4 Kuat Azam dan Tidak Putus Asa

Para da'i hendaklah menghindari diri daripada perasaan putus asa atau merasa kecewa, dakwah kepada jalan Allah perlu diteruskan walau apapun cabaran yang datang, jangan berkecil hati, kerana melakukan dakwah adalah tugas utama dalam hidup (HAMKA, 1999). Menurut HAMKA, salah satu kekecewaan yang menghambat kemajuan ialah kekecewaan kerana menganggap bahawa usaha kita tidak dibangai. HAMKA telah menunjukkan bahawa beliau tidak pernah putus asa dalam menyebarkan dakwah, malah beliau telah menilai dan memperbaiki kesalahan diri sendiri, katanya:

Saya sendiri Al Faqir yang dha'if ini, yang dari kecil umur muda telah menjadi muballigh, mulai dari Pekalongan pada tahun 1925, telah mulai sejak itu naik podium secara kecil-kecilan, dapatlah mengakui terus-terang bahwa dalam perjalananku ini telah banyak kali bertemu dengan kegagalan. Mula-mula sekerika usia muda kita mudah saja menyalahkan orang lain. Tetapi lama kelamaan lugas itu akan lebih berat, tanggungjawab akan lebih besar. Apabila kita telah mulai dewasa, sudahlah ada kesempatan yang baik bagi diri kita untuk menilai di mana kesalahan kita sendiri.

(HAMKA, 1999)

Para da'i hendaklah menanamkan dalam diri mereka tiga perkara penting iaitu, melakukan dakwah menyercu manusia kepada Allah, beramal soleh dan sentiasa melatih diri agar selalu menyedari bahawa untuk mencapai kejayaan diri dalam hubungan dengan Allah ialah berserah diri kepada Allah, kerana berserah diri kepadaNya itu merupakan ciri sejati daripada Islam (HAMKA, 1999). Di samping itu, HAMKA juga turut menekankan kepentingan doa dalam menentukan kejayaan dakwah, katanya:

Berdoa juga merupakan kategori da'wah, artinya permohonan hamba kepada Tuhan-Nya. Judi dakwah ini bukan semata-mata berisi pidato, ceramah-ceramah, kuliah Umum, tetapi menghori kepada Allah dengan hati yang ikhlas maka insipun da'wah.... sehingga wajarlah dar' wajib baginya apabila menemukan kesulitan dalam mencampung kesulitan ini menghori langsung kepada Allah S.W.T.

(HAMKA, 1978)

HAMKA menjelaskan kejayaan dakwah para rasul ialah kerana mereka mempunyai roh yang kuat dan jiwa yang bersih, cita-cita yang mulia dan tidak mempunyai kepentingan peribadi. Mereka benar-benar mempergunakan kesempatan di dunia untuk mempermudah jalan Allah. Dakwah seperti ini amat besar pengaruhnya kepada golongan sasar (HAMKA, 1999).

4.4.5 Pergaulan yang Baik dengan Jiran

Menurut HAMKA, jika pergaulan baik dengan jiran ini benar-benar dijadikan amalan oleh orang Islam, dan ini dilakukan kerana kesedaran beragama, sudah pasti ianya menjadi salah satu *ushub* dakwah yang sangat penting, kerana tidak ada sesuatu yang melebihi budi pekerti yang dapat menakluk orang di sekeliling kita (HAMKA, 1990). HAMKA menceritakan pengalaman peribadi beliau, kata HAMKA:

Dalam tahun 1971 meninggallah seorang tuan retangga kami. Beliau adalah seorang Arab dari Yaman, bernama Sayid Shaleh. Sejak mudanya 50 tahun yang lalu dia telah datang dari negrinya, di Yaman seorang Arab tolok yang belum mengerti sama-sekali bahasa Indonesia dan masuk ke daerah Menado, yaitu daerah yang penduduk umumnya orang Kristen. Tetapi dengan hati yang selalu terbuka, dada lapang, maka yang selalu manis, beliau telah dapat mendirikan rumah untuk buat dia hidup, dia bergaul saupat baik dengan seluruh keluarga telangga, yang Islam atau yang Keristey, yang Arab dan bukan Arab. Dua kemudian diapun kawin dengan keluarga Islam di Menado.

(HAMKA, 1990)

Oleh kerana sikap ramah beliau kepada jiran tetangga, mencintai anak orang lain seperti anaknya sendiri, semua pemuda di kampung tempat tinggal beliau di Manado memanggil beliau dengan gelaran 'Abah'. Beliau bersama keluarganya berpindah ke Jakarta. Pada tahun 1961 beliau menunaikan ibadah haji, beratus-ratus pemuda dan pemuda menghantar 'Abah' ke pelabuhan, lebih separuh daripada mereka ialah orang Kristian (HAMKA, 1990).

Ketika beliau meninggal dunia, lebih ramai orang Kristian daripada orang Islam yang melawat jenazahnya di Jalan Kerinci Kebayoran Baru, Jakarta. Beberapa orang Pembesar Kristian Jakarta (asal Manado) membeiri ucapan terakhir kepada beliau, mengenang kasih-sayang 'Abah' yang sukar untuk dilupakan, dan mereka mengiringi jenazah beliau hingga ke tanah perkuburan Islam (HAMKA, 1990). HAMKA menutup kisah di atas dengan katanya:

Dan ini adalah da'wah urama, tidak berniatif politik dan tidak kerana memaksa, sampai beliau berhasil membuktikan bahwa di tengah-tengah negeri Kristen orang Islam pun bisa hidup. Yang tidak bisa hidup berlawanan secara baik, itulah orang yang tidak mengerti hakikat pelajaran agamanya. (HAMKA, 1990)

4.4.6 Mendalami Ilmu Jiwa

Seseorang da'i perlu mempelajari ilmu jiwa terutamanya ilmu jiwa terkini yang begitu meluas. HAMKA menjelaskan bahawa belum tentu seorang profesor yang biasa mengajar di universiti akan berjaya menyampaikan kuliah kepada orang-orang kampung yang buta huruf dan ctek ilmu, walaupun professor tersebut pakar dalam bidang ilmunya, kuliahnya juga menjadi kaku kerana dia tidak mengelahi tahap pengetahuan pendengar yang menghadiri kuliahnya (HAMKA, 1999).

HAMKA mengatakan bahawa beliau lebih mudah dan sclesa menyampaikan kuliah kepada mahasiswa universiti daripada menyampaikan ilmu kepada orang kampung. Ramai

dalam kalangan penyarah universiti gagal apabila berhadapan dengan orang kampung, kerana mereka berikah kepada orang kampung adalah ilmu yang mendalam, sedangkan mereka tidak sedemikian. Keadaan ini berlaku kerana para penyarah tersebut biasa berhadapan dengan orang kampung serta mereka belum pernah merasai betapa sukar menyampaikan pengertian ilmu kepada orang yang rendah tahap pemikirannya (HAMKA, 1999). HAMKA menambah dengan katanya:

Saya sudah kerap kali melihat, bahwa seorang professor yang sangat ahli dalam satu ilmu, gagal samasekali ketika membawa ilmunya itu kepada orang kampung. Di situ lah perlunya ada ilmu jiwa, sehingga sebagai seorang pembawa da'wah jangan sampai beroleh kegagalan di dalam menghadapi masyarakat yang berbagai golongan dan berbagai pula tingkatan pencidiknya. (HAMKA, 1999)

Seterusnya HAMKA berpendapat, seorang da'i perlu mempelajari ilmu jiwa dan adat istiadat golongan *mad'u* agar dakwahnya berjaya dan mudah diterima oleh golongan sasaran (HAMKA, 1990), ini kerana dakwah tidak akan terlepas daripada kehidupan manusia yang terarah kepada nilai-nilai moraliti agama, maka apabila dakwah mengendor atau terlepas sedikit sahaja, maka manusia pun akan terlena dengan melakukan perbuatan-perbuatan yang kurang mendatangkan kebahagiaan (HAMKA, 1978).

Hal yang sama juga diberi penekanan oleh 'Ali Jarisyah, menurut beliau, da'i perlu mempelbagaikan *Ushub al-Da'wah* kepada golongan sasar mengikut kesesuaian tahap umur mereka ('Ali Jarisyah, 1985). Ab. Aziz Mohd Zin, menyokong pandangan 'Ali Jarisyah dan beliau menjelaskan bahawa sasaran dakwah bermacam-macam keadaan. Maka antara isi dengan sasaran perlu disesuaikan. Ini berenti pendakwah harus memiliki isi-isi tertentu yang sesuai dengan sasaran (Ab. Aziz, 2005).

4.4.7 Mendalami Bahasa Setempat

Seseorang da'i mestilah mengetahui bahasa tempat mereka berdakwah, supaya dapat menyyclami lubuk hati *mad'iy*. HAMKA menjelaskan bahawa walubagaimana alim sekalipun seseorang da'i itu, jika dia tidak tahu bahasa penduduk setempat, maka dia seumpama orang bisu. Kata HAMKA lagi:

Banyak orang alim yang bertahum-tahum di Makkah dan Mcdur, sangat fasih berbahasa Arab, tetapi tidak menguasai bahasa bangsanya sendiri, maka terpaksa dia "bersemayam di istana gadang" dengan ilmunya dan tidak mengalir factahnya kepada ummat yang hendak diberinya da'wah. (HAMKA, 1999)

Seseorang da'i perlu juga mengetahui bahasa Arab walaupun hanya sekadar untuk membaca buku-buku Arab, kerana ilmu-ilmu teras penguajian Islam kebanyakannya ditulis dalam bahasa Arab. Alangkah baiknya jika seseorang da'i mengetahui bahasa Inggeris yang merupakan bahasa ahli sarjana masa kini, supaya dia tidak canggung dan tidak terasa rendah diri apabila berhadapan dengan bangsa lain atau bangsanya sendiri yang merasa bangga apabila mereka mengetahui bahasa asing tersebut (HAMKA, 1999).

4.4.8 Mempelajari Ilmu Usul Dakwah

Seseorang da'i perlu mempelajari 'Ilmu Usul al-Da'wah supaya dia dapat menjalankan tugas dakwahnya dengan lebih baik. HAMKA memetik kata-kata Imam Malik yang pernah mengatakan; "bahawasanya seorang ulama hendaklah menjadi suluh zamannya". Maka janganlah mubaligh atau da'i itu membawa suluh yang lebih gelap kepada masyarakatnya (*mad'iy*). Para da'i hendaklah melakukan persiapan yang rapi sebelum berhadapan dengan golongan sasar, ini perlu dilakukan untuk mengelakkan daripada 'canggung' (HAMKA, 1999). 'Ilmu Usul al-Da'wah

merangkumi empat perkara iaitu; materi (*mawdu'at*), da'i, kumpulan sasar dan metode dakwah (HAMKA, 1999).

4.5 KESIMPULAN

Jelaslah, bahawa Tafsir Al-Azhar karangan HAMKA sarat dengan cabaran-cabaran dakwah dan penyelesaian, semuanya adalah merupakan pengalaman dan seria penganalan yang telah HAMKA sendiri lalui dalam bidang dakwah, beliau merupakan seorang da'i 'besar' yang berjaya. Beliau memasukkan pengalaman-pengalaman peribadi dalam bidang dakwah bertujuan agar pembaca Tafsir Al-Azhar merasai dengan lebih dekat yang telah beliau alami, seterusnya dijadikan pengajaran dalam menstrukturkan tugas dakwah yang lebih mencabar pada abad ini.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd Zin. 2005. *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- 'Abdul Karim Zaydan. 2001. *Usul al-Da'wah*. Beirut: Mu'assas al-Risalah.
- 'Ali Jarisyah. 1985. *Pendakwah Bukan Pelampayan*. Abdul Rahman Ahmad (terj.). Shah Alam: Penerbitan Hizbi.
- Al-Qur'an al-Karim.
- HAMKA. 1978. *Khuthbah Jamaat: Dakwah untuk Mencapai Hidup Damai*. Dalam *Suara Masjid*. No.51. Disember 1978. Jakarta: Ikatan Masjid Indonesia.
- HAMKA. 1983. *Tafsir Al-Azhar*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- HAMKA. 1990. *Prinsip dan Kebijaksanaan Dakwah Islam*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- HAMKA. 1999. *Tafsir Al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Mohd Zaid Kadri. 1997. *Fakta-fakta dari Tafsir Al-Azhar*. Johor Bahru: Badan Cemerlang.

Cabaran Dakwah Masakini dan Penyelesaiannya Menurut Perspektif Hamka Dalam Tafsir Al-Azhar

ORIGINALITY REPORT

0%

SIMILARITY INDEX

0%

INTERNET SOURCES

0%

PUBLICATIONS

0%

STUDENT PAPERS

PRIMARY SOURCES

Exclude quotes On

Exclude bibliography On

Exclude matches Off